



**GARIS PANDUAN INTERIM (TAMBAHAN)  
PELAKSANAAN KURSUS  
DAN OPERASI INSTITUT LATIHAN MARITIM**



**JABATAN LAUT MALAYSIA**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah terkesan oleh wabak COVID-19 dan Kerajaan telah menguatkuasakan perintah-perintah khas bagi mengawal wabak sejak Mac 2020.
- 1.2. Mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Perhubungan Industri 1967, sektor pengangkutan laut serta pelabuhan adalah antara sektor yang diklasifikasikan sebagai perkhidmatan perlu. Manakala JLM mengiktiraf pelaut sebagai pekerja utama.
- 1.3. Terkesan daripada pandemik, JLM amat menyokong sektor latihan maritim negara menuju ke arah konsep pendigitalan. JLM sentiasa berusaha menjadikan proses akreditasi dan kursus ILM lebih efisien, dan sedang dalam proses mengeluarkan garis panduan penuh yang lebih relevan dengan perubahan teknologi.

**2. OBJEKTIF**

- 2.1. Tujuan utama garis panduan ini adalah bagi memastikan kelancaran akan perkara-perkara di bawah seliaan JLM khususnya pelaksanaan konvensyen antarabangsa *Standards of Training, Watchkeeping, and Certification for Seafares* (STCW) 1978 serta pindaan, dan *Merchant Shipping Ordinance 1952*.
- 2.2. Selain itu, garis panduan ini juga berfungsi sebagai penerangan bagi kesaksamaan dan kepimpinan yang harmoni setelah operasi Institut Latihan Maritim (ILM) dan aspek pensijilan pelaut menerima implikasi besar berikutan penguatkuasaan arahan-arahan Kerajaan termasuk SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.3. Garis panduan ini juga diwujudkan selaras dalam memberikan pelanjutan dan kelonggaran khas yang dihadapi oleh pelaut berkenaan dokumentasi mereka dan kekangan proses latihan kursus-kursus STCW di ILM yang diiktiraf JLM.
- 2.4. Pada setiap masa, arahan dan SOP MKN adalah terpakai dalam apa jua urusan yang melibatkan pelaksanaan garis panduan ini.
- 2.5. Garis Panduan ILM versi 2017 yang sedia ada masih terpakai. Garis Panduan Interim (Tambahan) ini perlulah dibaca dan dipatuhi bersama-sama Garis Panduan tersebut. Sekiranya mana-mana perkara spesifik dinyatakan pada kedua-dua dokumen, kriteria pada Garis Panduan Interim (Tambahan) ini menjadi keutamaan untuk dipatuhi.

### 3. KURSUS INSTITUT LATIHAN MARITIM (ILM)

3.1. Pelanjutan khas yang diberikan kepada kursus pelaut dan ILM adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	PERKARA	PENERANGAN
1	Tempoh Kelulusan Peperiksaan Lisan/Bertulis	Kesemua keputusan ujian lisan JLM diberikan tempoh kelulusan selama <b>3 tahun</b> , manakala tempoh kelulusan ujian bertulis selama <b>5 tahun</b> .
2	Akreditasi Institut Latihan Maritim (ILM) (Permulaan/Tahunan/Pembaharuan)	Tarikh akhir audit ILM (yang tidak dilakukan audit permulaan/tahunan/pembaharuan melebihi 1 tahun dari tarikh ulang tahun sijil akreditasi) ialah pada <b>1 April 2022</b> .
3	Dokumentasi Pembelajaran Dalam Talian (PDT) ILM	Ketersediaan penuh spesifikasi kursus lengkap bagi keseluruhan modul kursus berkaitan PDT oleh ILM ialah pada <b>1 April 2022</b> .

3.2. Kursus-kursus dalam talian anjuran ILM yang telah diberikan pengesahan oleh JLM melalui Adendum Pembelajaran Dalam Talian (PDT) yang diserahkan, masih boleh diteruskan.

3.3. Kesemua kursus yang melibatkan latihan amali dengan kaedah bersemuka diberikan kelonggaran sepenuhnya untuk dijalankan secara PDT. Keperluan PDT penuh yang ditetapkan oleh JLM sebagai alternatif kepada latihan amali, penerangan kriteria secara ringkas adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Kelonggaran sementara ini hanya berkuat kuasa sehingga:

- a) 31 Disember 2022; atau
- b) 30 hari selepas tarikh Kerajaan membenarkan latihan bersemuka tanpa sekatan; atau
- c) mengikut tarikh yang dimaklumkan oleh JLM dari semasa ke semasa.

3.4. Kelonggaran PDT penuh adalah tertakluk atas Adendum PDT yang telah mendapat pengesahan JLM setelah semakan dokumen dilakukan ke atas spesifikasi kursus yang asal.

3.5. Borang Penilaian dalam talian (disyorkan seperti *GoogleForm*) perlu disediakan oleh ILM untuk mendapatkan maklum balas dan isu yang dihadapi oleh kesemua peserta kursus sepanjang skop latihan secara fizikal tersebut yang telah digantikan dengan kaedah PDT.

3.6. Rakaman dibuat sepenuhnya untuk setiap sesi PDT. Dikongsikan kepada wakil JLM pautan rakaman/sesi melalui *cloud storage* beserta rekod digital tentang senarai peserta, borang penilaian peserta, log kehadiran dan yang berkaitan.

3.7. Pelaut yang menghadiri kursus penuh PDT yang melibatkan latihan amali seperti perenggan 3.3, COP/Sijil Modular yang dikeluarkan akan sah laku sehingga tempoh **5 tahun**.

3.8. ILM dan syarikat perkapalan mestilah memastikan pelaut yang berkenaan bahawa pendedahan latihan amali secara fizikal adalah mandatori di atas kapal mematuhi Kod STCW dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh sijil dikeluarkan.

3.9. Sekiranya pelaut didapati tidak melaksanakan perkara seperti dinyatakan pada perenggan 3.8, JLM berhak pada bila-bila masa, menarik semula kelulusan sijil-sijil dokumentasi pelaut yang berkenaan.

- 3.10. Secara umumnya, kursus yang hendak dijalankan dengan kaedah PDT melalui kelonggaran sementara ini adalah terdiri daripada kursus yang mendapat akreditasi JLM.
- 3.11. Pembelajaran aspek kursus yang memerlukan kebergantungan kepada peranti simulator, PDT bagi aspek itu perlulah hanya dilakukan dengan kaedah *cloud simulation* sahaja.
- 3.12. ILM dibenarkan beroperasi dengan menjalankan kursus secara bersemuka selagi mana mematuhi arahan SOP MKN yang terkini yang terpakai ke atas premis berdasarkan lokasi ILM. ILM **TIDAK PERLU** memohon kebenaran JLM untuk menjalankan kursus secara bersemuka. ILM perlu melaksanakan tatacara pelaksanaan kursus berpandukan SOP COVID-19 ILM masing-masing yang telah disediakan terdahulu. **Keutamaan diberikan kepada aspek:**
- a) Penjarakan fizikal 1 meter;
  - b) Lokasi dan alat sanitasi tangan;
  - c) Pemakaian pelitup muka;
  - d) Catatan dan saringan suhu badan;
  - e) Pengasingan dan tindakan kepada individu bergejala;
  - f) Pengehadan aktiviti berkumpulan / sosial;
  - g) Pematuhan kepada SOP Kerajaan semasa; dan
  - h) Rekod status vaksinasi individu.
- 3.13. Sebarang **peperiksaan akhir** atau **kaedah simulasi maya bagi kursus utama perakuan kekompetenan (COC)** yang hendak dilakukan dengan kaedah dalam talian atau penilaian alternatif, ILM mestilah mengemukakan **permohonan secara berasingan** kepada JLM. Pembentangan dan demonstrasi haruslah meliputi aspek:
- a) sekuriti data peribadi peserta;
  - b) keupayaan peranti, perisian, dan capaian internet peserta / ILM;
  - c) kawalan proses peperiksaan, soalan, jawapan, pengawasan, dan penilaian;
  - d) prosedur terperinci sebelum, semasa, dan selepas peperiksaan/penilaian/sesi pembelajaran;
  - e) prosedur terperinci bagi soalan/latihan yang berbentuk teknikal dan yang memerlukan peranti / peralatan tambahan.

#### 4. VAKSINASI PESERTA KURSUS

- 4.1. Kesemua peserta yang menjalankan kursus di dalam premis ILM, termasuk tenaga pengajar dan kakitangan ILM, mestilah memiliki status vaksinasi COVID-19 yang lengkap mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 4.2. ILM wajar menyimpan rekod dokumentasi untuk perkara di perenggan 4.1 untuk semakan JLM dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

## 5. PERUBAHAN KEPADA PROSES BERKENAAN AKREDITASI DAN ILM

### Emergency Response Plan (ERP)

- 5.1. Sebarang pindaan kepada ERP bagi setiap ILM **TIDAK PERLU** dihantar untuk tujuan endorsan JLM jika ia hanya melibatkan perubahan nama dan butiran perhubungan. ILM memadai menghantar pemakluman tentang pindaan kepada JLM, dan mengemaskinikan perkara pindaan di dalam rekod log perubahan ERP, diperakui oleh Pengurusan ILM.
- 5.2. Endorsan JLM kepada pindaan ERP hanya dilakukan apabila ia meliputi perkara berikut:
  - a) Perubahan lokasi premis ILM;
  - b) Perubahan signifikan kepada sebahagian besar butiran perhubungan;
  - c) Perubahan signifikan kepada prosedur/manual ERP;
  - d) Pertambahan lokasi kursus luar premis.
- 5.3. Endorsan boleh dilakukan melalui mana-mana Ibu Pejabat / Pejabat Laut Wilayah JLM yang terhampir dengan premis ILM.

### Permit Mengajar

- 5.4. Permit Mengajar (TP) adalah wajib kepada semua tenaga pengajar ILM bagi mana-mana kursus yang mendapat akreditasi JLM.
- 5.5. TP Penuh yang memenuhi kehendak JLM, dikeluarkan untuk tempoh sah laku 5 tahun. Permohonan TP yang tidak disertakan bukti sijil kehadiran kursus IMO Model Course 6.09, IMO Model Course 6.10, atau IMO Model Course 3.12, atau tidak memenuhi kriteria yang mana berkaitan, JLM boleh menghadkan tempoh sah laku TP sehingga 12 bulan (Interim TP).
- 5.6. Kesemua TP akan dikeluarkan menjurus kepada nama kursus yang layak dan (sekiranya berkaitan), akan disertakan juga penghadan terhadap subjek yang berkenaan sahaja.
- 5.7. Sesi temu duga penilaian baharu sebelum pengeluaran TP adalah **TIDAK MANDATORI**. Ia akan ditentukan oleh JLM berdasarkan permohonan, dokumen sokongan dan kelayakan sedia ada.
- 5.8. Proses pembaharuan TP khusus kepada TP sedia ada yang telah melebihi tempoh 12 bulan, **TIDAK** akan dipengaruhi oleh tempoh sah laku akreditasi ILM. JLM boleh memperbaharui TP tersebut berdasarkan permohonan **TANPA** sesi temu duga, mengikut pengesahan JLM.
- 5.9. Setiap individu pemegang TP akan diselaraskan dengan hanya memiliki satu (1) sijil TP. Kesemua sijil TP milik individu akan digabungkan menjadi satu (1) sijil TP sahaja. Tarikh sah laku TP itu pula akan mengikut tempoh sijil TP yang asal, atau berpandukan tarikh TP yang mempunyai tempoh sah laku yang paling lewat.
- 5.10. Bermula **1 April 2022**, hanya satu (1) TP aktif untuk setiap tenaga pengajar. Mana-mana TP tambahan sedia ada akan secara automatik menjadi tidak sah. Oleh itu, ILM digalakkan untuk melakukan penyelarasan TP bersama JLM dengan lebih awal.

5.11. Sekiranya terdapat permohonan tambahan subjek/kursus kepada mana-mana individu pemegang TP, JLM boleh mengeluarkan TP Interim. Jika permohonan TP tersebut mematuhi kriteria TP penuh, cetakan semula TP asal dengan tambahan subjek/kursus akan dilakukan dan tenaga pengajar/ILM perlu mengembalikan sijil TP yang sedia ada kepada JLM untuk tujuan kutipan TP yang baharu.

### Semakan Dokumen Spesifikasi Kursus / Course Specification (CS) Document Review (DR)

5.12. Setiap proses DR yang dilakukan oleh JLM **TIDAK** akan disertakan dengan butiran ketidakakuran, tetapi akan dinyatakan perkara penambahbaikan termasuk status/ulasan.

5.13. CS yang dihantar **WAJIB** dalam format salinan lembut (format PDF) melalui e-mel/pautan awan kepada JLM. Sebagai tambahan, ILM turut digalakkan menghantar salinan keras. Selain perkara-perkara dokumentasi piawaian kursus sedia ada, CS haruslah lengkap dengan perkara berikut:

- a) Nama dan alamat ILM;
- b) Nama penuh kursus;
- c) Tarikh, nama ILM, nama kursus/kod kursus dan **versi rujukan CS di setiap muka surat**;
- d) Senarai log pindaan CS;
- e) Butiran pegawai perhubungan;
- f) Cadangan tarikh pelaksanaan kursus (sekiranya berkenaan);
- g) Isi kandungan dan muka surat.

5.14. Antara nota penting beserta jenis pengesahan yang akan dinyatakan oleh JLM untuk setiap DR yang dimohon ILM adalah seperti di bawah:

NOTA JLM PADA DR	TINDAKAN ILM	STATUS DR
<i>Approved / Approved and to be reconfirmed</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ILM boleh memohon verifikasi kursus atau audit premis kepada JLM;</li> <li>- JLM boleh melakukan verifikasi sebelum kursus, semasa kursus, atau pada bila-bila masa yang ditentukan oleh JLM.</li> <li>- Sijil Akreditasi Kursus (Interim/Penuh) akan dikeluarkan.</li> </ul>	Diluluskan
<i>To be reconfirmed during site verification</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ILM boleh memohon verifikasi kursus atau audit premis kepada JLM;</li> <li>- JLM akan mengesahkan perkara yang telah ditambah baik di premis ILM;</li> <li>- JLM akan melakukan verifikasi sebelum kursus dijalankan, dan Sijil Akreditasi Kursus (Interim) akan dikeluarkan selepas verifikasi adalah memuaskan.</li> </ul>	Diluluskan
<i>To be resubmitted</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ILM perlu meminda dokumen CS seperti mana ulasan JLM, dan mengemukakannya semula kepada JLM.</li> </ul>	Belum diluluskan

- 5.15. Kesemua kelulusan CS ILM adalah berdasarkan kriteria minimum yang telah ditetapkan oleh JLM. ILM boleh, tanpa pemakluman kepada JLM, mengendalikan kursus latihan melebihi daripada kriteria sukatan latihan CS asal yang mendapat kelulusan JLM, sekiranya perlu.
- 5.16. Walau bagaimanapun, ILM **TIDAK** dibenarkan untuk melaksanakan kursus latihan dengan kriteria (jumlah jam pembelajaran/syarat kemasukan/buku rujukan/kemudahan, dsb.) kurang daripada kriteria sukatan latihan CS sedia ada.
- 5.17. JLM sedang dalam proses peralihan **TIDAK** lagi menurunkan tandatangan dan **TIDAK** melakukan endorsan secara manual ke atas dokumen spesifikasi kursus. Oleh itu, keseluruhan perkara pada perenggan 5.13 adalah amat perlu diberikan perhatian oleh ILM.
- 5.18. Bermula **1 April 2022**, ILM perlu memastikan dokumen CS sedia ada menepati kriteria pada 5.13, ILM perlu menyelaraskannya kemudian menghantar CS dengan format yang terkini kepada JLM.

## 6. KURSUS PADA WAKTU CUTI DAN LUAR PREMIS

- 6.1. Secara umum, JLM **TIADA HALANGAN** bagi ILM melaksanakan sebarang kursus pada waktu cuti umum, cuti peristiwa, atau hujung minggu (Jumaat/Sabtu/Ahad). Namun, ia perlulah tertakluk atas:
  - a) Kesemua peserta kursus bersetuju dengan jelas, dan memberikan komitmen kehadiran, bahawa kursus tersebut bakal diadakan pada hari-hari yang berkenaan;
  - b) Peserta kursus mestilah turut dilindungi oleh sebarang perlindungan diri berbentuk sosial, kewangan atau insurans, semasa menghadirkan diri mengikuti kursus pada hari-hari yang berkenaan;
  - c) Pengesahan persetujuan peserta kursus beserta butiran perlindungan mestilah mempunyai rekod dokumentasi dan disimpan di ILM bagi tujuan semakan JLM pada bila-bila masa.
- 6.2. Secara umum juga, JLM **TIADA HALANGAN** bagi kursus ILM yang dijalankan di luar premis ILM. Walau bagaimanapun, ia perlulah tertakluk atas:
  - a) Lokasi tersebut bukanlah satu lokasi tetap untuk penganjuran kursus ILM berkenaan;
  - b) Kesemua peserta kursus bersetuju dengan jelas, dan memberikan komitmen kehadiran, bahawa kursus tersebut bakal diadakan di lokasi yang berkenaan;
  - c) Peserta kursus mestilah turut dilindungi oleh sebarang perlindungan diri berbentuk sosial, kewangan atau insurans, semasa menghadirkan diri mengikuti kursus di lokasi yang berkenaan;
  - d) Pengesahan persetujuan peserta kursus beserta butiran perlindungan mestilah mempunyai rekod dokumentasi dan disimpan di ILM bagi tujuan semakan JLM pada bila-bila masa;

- e) Lokasi tersebut mempunyai ERP yang spesifik dan ILM secara mandatori perlu merekodkan butiran ERP lokasi tersebut, serta mempunyai bukti dokumentasi butiran taklimat keselamatan yang bakal diberikan kepada peserta semasa kursus;
- f) ILM perlulah menghantar dokumen berikut ke Ibu Pejabat JLM Wilayah yang berkenaan bagi tujuan semakan dan pengesahan:
- Nama kursus, ILM dan tarikh kursus;
  - Pelan lokasi luar premis;
  - Pelan susun-aturng kelas/tempat latihan;
  - Foto-foto lokasi & tempat latihan;
  - Senarai tenaga pengajar;
  - Senarai fasilitator kursus (jika berkenaan);
  - Senarai peserta kursus;
  - Senarai alat bantuan mengajar dan peralatan kursus;
  - Senarai bahan rujukan;
  - Jadual kursus.
- g) Ketersediaan peralatan, kemudahan lokasi, susun-aturng kelas, bahan rujukan dan alat bantuan mengajar, mestilah sejajar dengan keperluan seperti mana di dalam spesifikasi kursus sedia ada;
- h) Namun, sekiranya lokasi tersebut merupakan cawangan lain/luar kampus ILM, atau menjadi lokasi tetap untuk penganjurng kursus, atau menjadi tumpuan khusus oleh ILM bagi penganjurng tetap kelas berbentuk latihan amali, maka ia perlulah dikemas kini ke dalam manual penubuhan ILM dan dikemukakan permohonannya kepada JLM.

- 6.3. Pemakluman penganjurng kursus luar premis dan/atau hari cuti, perlu dipanjangkan oleh ILM ke JLM tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh sebenar kursus. Hal ini mestilah mengambil kira kesemua perkara 6.1 dan/atau 6.2 telah terlaksana.
- 6.4. Sekiranya mana-mana perkara di bawah perenggan 6.1, 6.2, dan 6.3 tidak dipatuhi, maka JLM berhak tidak mengiktiraf penganjurng kursus tersebut, dan ia akan memberikan implikasi kepada status sah laku sijil kehadiran peserta, termasuklah sijil akreditasi kursus ILM.
- 6.5. Walau bagaimanapun, JLM masih berhak mengarahkan mana-mana permohonan lokasi kursus luar premis, pada bila-bila masa sahaja, setelah mengambil kira pemerhatian JLM, yang ia perlu mematuhi perkara di perenggan 6.2(h).

## 7. ANALISA DAN LAPORAN KURSUS ILM

- 7.1. Bermula **1 April 2022**, setiap ILM mestilah memastikan berkenaan laporan dan analisa meliputi perkara-perkara di bawah:
- a) ILM mestilah mempunyai rekod salinan lembut digital (format PDF) bagi setiap dokumen spesifikasi lengkap kursus ILM yang telah mendapat akreditasi JLM;
- b) Laporan ringkas (format Ms Excel) terhadap setiap spesifikasi kursus yang telah mendapat akreditasi JLM. Format laporan adalah seperti berikut, bagi setiap kursus:





## 8. BUTIRAN PERHUBUNGAN

- 8.1. Urusan dokumen spesifikasi kursus, pembelajaran dalam talian, laporan analisa dan permit mengajar:

Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut (BPPP),  
Ibu Pejabat,  
Jabatan Laut Malaysia  
Tel: 03-3346 7631 / 7641 / 7767 / 7644  
E-mel: [bppp@marine.gov.my](mailto:bppp@marine.gov.my)

- 8.2. Butiran Pejabat Laut JLM adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Urusan verifikasi premis/audit, pensijilan pelaut dan pensijilan kursus:

Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM),  
Ibu Pejabat,  
Jabatan Laut Malaysia  
Tel: 03 - 3346 7708 / 7772  
E-mel: [bkim@marine.gov.my](mailto:bkim@marine.gov.my)

- 8.3. Senarai semak terhadap ringkasan penting Garis Panduan ini adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

\*\*\*

**31 JANUARI 2022**  
JABATAN LAUT MALAYSIA

**LAMPIRAN A - PDT**

No.	COURSE NAME	CATEGORY	ORIGINAL		INTERIM APPROVAL	
			FULL PDT <i>(fully-online)</i>	PARTIAL PDT <i>(blended-learning)</i>	INTERIM PDT APPROVAL <i>(fully-online)</i>	PDT METHOD FOR PRACTICAL <i>(online teaching method for practical SLO)</i>
1	Officer in Charge of Navigational Watch of less than 500GT Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
2	Officer in Charge of Navigational Watch of 500GT or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
3	Mate of less than 500GT Domestic Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
4	Chief Mate of 3000GT or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
5	Chief Mate of 3000GT or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
6	Master of less than 500GT Domestic Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
7	Master of less than 500GT Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
8	Certificate Of Competence (Yachts), II/2 (Yatchmaster Offshore)	COC	×	✓	×	PY
9	Master of 3000GT or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
10	Officer in Charge of Navigational Watch of 500GT or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
11	Master of 3000GT or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC

12	Engineer Officer of less than 750kW Domestic Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
13	Engineer Officer of less than 750kW Domestic & Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
14	Second Engineer Officer of between 750kW and 3000kW Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
15	Second Engineer Officer of 3000kW or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
16	Second Engineer Officer of 3000kW or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
17	Second Engineer Officer of 3000kW or more Unlimited Trade Voyages (Steamship)	COC	×	✓	✓	VC
18	Chief Engineer Officer of between 750kW and 3000kW Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
19	Chief Engineer Officer of 3000kW or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
20	Chief Engineer Officer of 3000kW or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
21	Chief Engineer Officer of 3000kW or more Unlimited Trade Voyages (Motorship)	COC	×	✓	✓	VC
22	Officer in Charge of Engineering Watch of 750kW or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
23	Officer in Charge of Engineering Watch of 750kW or more Unlimited Trade Voyages	COC	×	✓	×	PY
24	Officer in Charge of Engineering Watch of 750kW or more Unlimited Trade Voyages ( Motorship )	COC	×	✓	×	PY
25	Chief Engineer Officer of 3000kW or more Near Coastal Trade Voyages	COC	×	✓	✓	VC
26	Electro Technical Officer	COC	×	✓	✓	VC

27	Electro-Technical Officer (Bridging)	COC	×	✓	✓	VC
28	Advanced Chemical Tanker	Modular	✓	✓	✓	VC
29	Advanced Chemical Tanker (Revalidation)	Modular	✓	✓	✓	VC
30	Advanced Fire Fighting	Modular	×	✓	✓	VC
31	Advanced Fire Fighting (Refresher)	Modular	×	✓	✓	VC
32	Advanced Liquefied Gas Tanker	Modular	✓	×	✓	VC
33	Advanced Liquefied Gas Tanker (Revalidation)	Modular	✓	✓	✓	VC
34	Advanced Oil Tanker	Modular	✓	✓	✓	VC
35	Advanced Oil Tanker (Revalidation)	Modular	✓	✓	✓	VC
36	ARPA Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
37	ARPA Simulator	Modular	×	✓	✓	CS
38	Advanced Training For IGF Ship	Modular	✓	✓	✓	VC
39	Basic First Aid	Modular	×	✓	✓	VC
40	Basic Training Liquefied Gas Tanker	Modular	×	✓	✓	VC
41	Basic Training Liquefied Gas Tanker PS	Modular	×	✓	✓	VC

42	Basic Training Oil and Chemical Tanker	Modular	×	✓	✓	VC
43	Basic Training Oil and Chemical Tanker PS	Modular	×	✓	✓	VC
44	Bridge Resource Management	Modular	×	✓	✓	CS
45	Basic Training	Modular	×	✓	×	PY
46	Basic Training For IGF Ship	Modular	✓	✓	✓	VC
47	Basic Training (Refresher)	Modular	×	✓	✓	VC
48	Basic Training (Revalidation)	Modular	×	✓	✓	VC
49	Crowd Management for Passenger Ships other than Ro-ro Passenger Ships	Modular	×	✓	✓	VC
50	Crowd Management, Passenger Safety and Safety Training	Modular	×	✓	✓	VC
51	Crowd Management for Ro-ro Passenger Ships	Modular	×	✓	✓	VC
52	Electronic Chart Display & Information System	Modular	×	✓	✓	CS
53	Elementary First Aid	Modular	×	✓	✓	VC
54	Electronic Navigational Aids (Operational) Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
55	Engine Resource Management	Modular	×	✓	✓	CS
56	Electro-Technical Rating	Modular	×	✓	✓	VC

57	Fire Prevention and Fire Fighting	Modular	×	✓	✓	VC
58	General Operator Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
59	General Operator Certificate (Refresher)	Modular	✓	✓	✓	CS
60	High Voltage	Modular	×	✓	✓	VC
61	Leadership & Managerial Skill	Modular	✓	✓	✓	VC
62	Medical Care	Modular	×	✓	✓	VC
63	Medical First Aid	Modular	×	✓	✓	VC
64	Person in Overall Advisory Control	Non-STCW	×	✓	✓	CS
65	Proficiency in Survival Craft and Other Than Fast Rescue Boats	Modular	×	✓	×	PY
66	Personal Survival Techniques	Modular	×	✓	✓	VC
67	Rating As Able Seafarer Deck	COP	×	✓	×	PY
68	Rating As Able Seafarer Engine	COP	×	✓	×	PY
69	Rating Forming Part Of Engine Room Watch	COP	×	✓	×	PY
70	Rating Forming Part Of Navigational Watch	COP	×	✓	×	PY
71	Radar Navigation & Radar Plotting	Modular	×	✓	✓	CS

72	Radar Observer Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
73	Restricted Operators Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
74	Restricted Operators Certificate (Refresher)	Modular	✓	×	✓	CS
75	Radar Operator Certificate	Modular	×	✓	✓	CS
76	Security Awareness	Modular	✓	✓	✓	VC
77	Shipboard Catering Management Course	Non-STCW	✓	✓	✓	VC
78	Shipboard Catering Management Course (Refresher)	Non-STCW	✓	✓	✓	VC
79	Designated Security Duties	Modular	✓	✓	✓	VC
80	Ship Security Officer	Modular	✓	✓	✓	VC
81	All preparatory of mock oral courses	STCW	×	✓	✓	VC
82	All other non-STCW courses / IMO Model Courses	Non-STCW	✓	✓	✓	VC

**Legends:**

CS	"CS" means specific to only on <b>cloud simulation</b> method.
VC	"VC" means any type of <b>virtual class</b> comprises of video-teleconference type, CBT, online demonstration, video demonstration, cloud simulation, or virtual reality.
PY	"PY" means no virtual class is allowable. Strict to physical via a <b>face-to-face</b> method for practical syllabus.

**Notes:**

(a)	<i>Evidence of the actual number of hours either on cloud simulation or any virtual teaching method shall always be consistent with the number of hours reflecting the actual learning hours as per the approved course specification, not taking into account the time of preparation, down-time, or pre-arrangement of the session.</i>
(b)	<i>The preparation to begin all of the virtual class shall have been done prior the initial time of the class as so the virtual class can be commenced smoothly based on the original scheduled time.</i>
(c)	<i>Total number of participants per online session can be extended up to maximum 150% from the approved course specification. A second instructor is needed by the ILM to assist the main instructor if the number of participants are more than 150%.</i>
(d)	<i>For cloud simulation, official confirmation with the platform service provider to be mandatorily provided by ILM. The allowable number of cloud simulation participants are 50% from the maximum number as per Course Specification, at any single session. However, ILM can be granted to handle 100% participants by dividing the session into a separate schedule/device of the whole participants.</i>

Version: 1 Jan 2022



**LAMPIRAN B – SENARAI PEJABAT JLM**

**Wilayah Tengah / Central Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Melaka	Pejabat Laut Melaka, Jalan Pantai Puteri, 76400 Melaka	606-351 0155	ppsgu@marine.gov.my
2	Port Klang	Pejabat Laut Negeri Selangor, No.2, Jalan Depoh, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor	603-3168 0771	plselangor@marine.gov.my
3	Port Dickson	Pejabat Laut Negeri Sembilan, Jalan Forshore, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan	606-647 7993	ppdks@marine.gov.my

**Wilayah Utara / Northern Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Pulau Pinang	Pejabat Laut Negeri Pulau Pinang dan Marina Batu Uban, Jalan Akuarium, 11700 Gelugor, Pulau Pinang	604-6565345	pppen@marine.gov.my
2	Langkawi	Pejabat Laut Langkawi, 07000 Langkawi, Kedah	604-966 6134	ppkuh@marine.gov.my
3	Kuala Perlis	Pejabat Laut Negeri Perlis, Terminal Feri dan Penumpang, 02000 Kuala Perlis, Perlis	604-9854160	ppkpl@marine.gov.my
4	Lumut / Manjung	Pejabat Laut Negeri Perak, Tingkat 3, Bangunan Persekutuan, Jalan Kayu Manis, 32040 Sri Manjung, Perak	605-688 7595	pplum@marine.gov.my

**Wilayah Timur/ Eastern Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Kuala Terengganu	Pejabat Laut Kuala Terengganu, Jeti Kargo Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur, Jalan Hiliran, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu	609-628 4270	ppktg@marine.gov.my
2	Kuantan	Pejabat Laut Kuantan, Jalan Besar, 25000 Kuantan, Pahang	609-516 5197	ppktn@marine.gov.my
3	Kemaman	Pejabat Laut Kemaman, Tingkat 3, Bangunan Persekutuan, Jalan Gong Limau, 24000 Kemaman, Terengganu	609-859 3046	ppkmn@marine.gov.my
4	Teluk Gading	Pejabat Laut Teluk Gading, Terminal Penumpang Teluk Gading, 26820 Kuala Rompin, Pahang	609-413 1125	pptgemuk@marine.gov.my

**Wilayah Selatan/ Southern Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Pasir Gudang	Pejabat Laut Pasir Gudang, Lot 51602, Jalan Besi, 81700 Pasir Gudang, Johor	607-251 1567	pppgd@marine.gov.my
2	Mersing	Pejabat Laut Mersing, Jalan Abu Bakar, 86800 Mersing, Johor	607-799 1176	ppmsg@marine.gov.my
3	Tanjung Pelepas	Pejabat Laut Pelabuhan Tanjung Pelepas, Unit 2.8, Blok B, Wisma PTP, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas, 81560 Gelang Patah, Johor	607-507 2022	plptp@marine.gov.my

**Wilayah Sarawak / Sarawak Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Sarikei	Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, Bahagian Tengah, Pejabat Laut Sarikei, Lot 290, Blok 49, Off Jalan Meranti, Peti Surat 446, 96108 Sarikei, Sarawak	6084-656 017	johari@marine.gov.my
2	Sibu	Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, Bahagian Tengah, Pejabat Laut Sibu Lot 112, Jalan Ding Lik Kong, Peti Surat 553, 96007 Sibu, Sarawak	6084-332 752	larry@marine.gov.my
3	Miri	Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Sarawak, Bahagian Timur, Pejabat Laut Miri, Lot No. 75, Jalan Kubu, Beg Berkunci No.18, 98009 Miri, Sarawak	6085-329 777	msukeman@marine.gov.my
4	Bintulu	Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, Bahagian Bintulu, Pejabat Laut Bintulu, Jalan Tun Razak, Peti Surat 279, 97007 Bintulu, Sarawak	6086-318 969 / 970	syahrizan@marine.gov.my
5	Limbang	Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, Bahagian Timur, Pejabat Laut Limbang, Peti Surat 384, 98700 Limbang, Sarawak	6085-211 130	surya@marine.gov.my
6	Marina Kuching	Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak, Bahagian Barat, Pejabat Laut Kuching Lot 378, Jalan Bako, Muara Tebas, 93010 Kuching, Sarawak	6082 -438 314	kasdi@marine.gov.my

**Wilayah Sabah / Sabah Region**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Kota Kinabalu	Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Sabah, No.2, Kompleks Jabatan Laut, Teluk Salut, Jalan Sepanggar, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	6088-401 189	mnar@marine.gov.my
2	Lahad Datu	Pejabat Laut Cawangan Lahad Datu, Jalan Kastam Baru, Peti Surat 61606, 91124 Lahad Datu, Sabah	6089-884 073	hati@marine.gov.my
3	Sandakan	Pejabat Laut Cawangan Sandakan, Blok 23, No.207, Prima Square, Fasa 3, Lorong Prima 8, Batu 4, Jalan Utara, 90722 Sandakan	6089-213 127	azman.latip@marine.gov.my
4	Tawau	Pejabat Laut Cawangan Tawau, Jalan Pos Lama, 91000 Tawau, Sabah	6089-779 130	douglas@marine.gov.my
5	Kudat	Pejabat Laut Cawangan Kudat, Peti Surat 598, 89058 Kudat, Sabah	6088-614 609	halik@marine.gov.my

**Wilayah Persekutuan Labuan / Labuan Federal Territory**

No.	Pejabat Laut / Marine Office	Alamat/ Address	No. Telefon / Telephone No.	E-mel Email
1	Labuan	Jabatan Laut Wilayah Labuan & Laut China Selatan P.O. Box 81005, Jalan Merdeka, 87012, Wilayah Persekutuan Labuan	6087-413 511 / (208)	pjlwplbn@marine.gov.my

\*\*\*

**LAMPIRAN C**

**SENARAI SEMAK  
RINGKASAN GARIS PANDUAN INTERIM (TAMBAHAN) ILM 2022**

NO.	PERENGGAN	PERKARA	CATATAN/TARIKH
1	3.1	Tempoh kelulusan ujian bertulis	5 tahun
2	3.1	Tempoh kelulusan ujian lisan	3 tahun
3	3.1	Tarikh akhir kelonggaran pelanjutan tarikh audit ILM	1 April 2022
4	3.1	Dokumen spesifikasi kursus penuh kaedah PDT	1 April 2022
5	3.3 Lampiran A	Kelonggaran sementara kaedah PDT	Selewatnya hingga 31 Dis 2022
6	3.12	SOP COVID-19 ILM	Mematuhi SOP MKN tanpa perlu pengesahan lanjut JLM
7	3.13	Kaedah peperiksaan alternatif/dalam talian	Permohonan khas kepada JLM
8	5.1	Pindaan kecil ERP ILM	Tidak perlu endorsan JLM
9	5.3	Pindaan ketara ERP ILM	Endorsan oleh Pejabat Laut JLM
10	5.5	TP Penuh	5 tahun
11	5.5	TP Interim	Maksimum 12 bulan
12	5.9 5.10	Bilangan TP setiap individu	Satu (1); Pelaksanaan penuh 1 April 2022
13	5.12	Laporan semakan dokumen untuk spesifikasi kursus	Tiada butiran ketidakakuran
14	5.13	Dokumen spesifikasi kursus dengan kriteria format terkini	1 April 2022
15	5.14	Status utama laporan semakan dokumen spesifikasi kursus	Lulus / Tidak Lulus
16	6.1	Permohonan kursus waktu cuti umum	Patuh kriteria & pemakluman; tidak perlu kelulusan JLM
17	6.2	Permohonan kursus luar premis	Patuh kriteria & pemakluman; semakan dokumentasi oleh JLM
18	7.1	Analisa & laporan kursus ILM	Mengikut format; 1 April 2022
19	7.2	Laporan penempatan kadet dan analisa	Bulanan; 1 April 2022
20	Lampiran C	Pejabat Laut JLM	Senarai butiran perhubungan / permohonan yang berkenaan

\*\*\*